



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

**Khamis, 23 April 2020
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

TAJUK: PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM, PEMANDU DAN PENUNGGANG P-HAILING PERLU PANTAU TAHAP KESIHATAN DIRI

1. Kementerian Pengangkutan memandang serius isu berkaitan tahap kesihatan dan keselamatan para pekerja dalam perkhidmatan pengangkutan awam (termasuk rel, bas, teksi dan perkhidmatan e-hailing) dan juga penunggang p-hailing. Ratusan ribu mereka ini merupakan antara petugas barisan hadapan negara yang berkhidmat demi memenuhi keperluan harian rakyat Malaysia ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. Pada masa sama, Kementerian juga mengingatkan kepada semua pengendali supaya mengambil langkah berjaga-jaga sebagaimana yang diperlukan bagi memastikan para pemandu dan penunggang dalam perkhidmatan mereka tidak melanggar garis panduan penjagaan kesihatan serta perubatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha bersama menghentikan penularan pandemik COVID-19.
3. Pada masa ini, saringan COVID-19 tidak diwajibkan kepada pekerja-pekerja di sektor ini. Namun, bagi melindungi kesihatan semua pihak

termasuk pengendali, pemandu, penunggang, pelanggan dan penumpang, Kementerian amat berharap supaya semua pekerja dalam perkhidmatan ini memantau tahap kesihatan diri masing-masing mengikut garis panduan KKM. Sekiranya terdapat individu yang bergejala, mereka perlu segera menangguhkan urusan kerja dan mendapatkan pemeriksaan saringan COVID-19 di klinik terdekat.

4. Semua pengendali, pemandu dan penunggang p-hailing juga harus menjaga kebersihan diri, melakukan proses sanitasi dan sebaiknya mengamalkan kaedah transaksi tanpa sentuhan dalam berurusan dengan pelanggan atau penumpang. Selain itu, mereka juga harus memakai topeng muka, menggunakan pembasmi kuman atau 'hand sanitizer' dan mencuci tangan dengan betul secara kerap khususnya setiap kali selepas membuat penghantaran.
5. Semua penunggang p-hailing perlu menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman bagi kotak penghantaran manakala pemandu teksi dan e-hailing pula perlu melakukan proses sanitasi kenderaan masing-masing setiap hari mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KKM.
6. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID-19, pengendali yang berkaitan perlu membantu dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada KKM dalam usaha mengesan kontak atau contact tracing pekerja yang telah dijangkiti COVID-19 dan pengurusan kontak.
7. Bagi perkhidmatan p-hailing yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sekiranya penunggang dijangkiti COVID-19 atau mempunyai simptom, adalah menjadi tanggungjawab individu berkenaan untuk melaksanakan langkah-langkah yang diperlukan dengan menjalani kuarantin diri dan menghentikan sementara perkhidmatan penghantaran.
8. Sekali lagi diingatkan kepada semua penunggang p-hailing supaya memuat turun dan mendaftar di aplikasi mySejahtera yang dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) (maklumat lanjut di mysejahtera.malaysia.gov.my) dan perlu menunjukkan bukti pendaftaran kepada pihak penguatkuasa.

9. Sebarang aduan / pertanyaan mengenai MOT boleh e-mel ke aduan@mot.gov.my, WhatsApp ke 019-2907723 atau layari laman web khusus (microsite) di pautan <http://cccovid19.mot.gov.my/>. Juga boleh hubungi talian Hotline MOT : 1-800-88-7723 (22 jam; rehat jam 6.00 petang - 8.00 malam di bulan Ramadan) atau Pusat Pengurusan Operasi Negara, Majlis Keselamatan Negara, di talian 03-88882010.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
23 APRIL 2020

- TAMAT -